

Artikel

Pemilihan Bahasa Pelajar Cina dalam Pergaulan Harian di Universiti Kebangsaan Malaysia
(*Language Choice of Chinese Students in Daily Interaction at the National University of Malaysia*)

Mohammed Azlan Mis* & Nurul Nadia Saidi

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: whg5026@ukm.edu.my

Diserah: 15 Ogos 2025
Diterima: 28 November 2025

Abstrak: Masyarakat Cina di Malaysia lazimnya bersifat multibahasa dengan penguasaan terhadap bahasa Mandarin, dialek seperti Hokkien dan Kantonis, bahasa Melayu, serta bahasa Inggeris. Kajian ini meneliti bahasa-bahasa yang dipilih oleh pelajar Cina yang sedang belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bahasa yang utama digunakan oleh pelajar Cina di UKM dalam pergaulan harian mereka. Selain itu, kajian ini juga meneliti faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa berdasarkan domain di dalam kelas, kedai makan, kolej kediaman, aktiviti sukan dan aktiviti di fakulti. Semua domain yang dipilih adalah ketika pelajar Cina itu berkomunikasi dengan sesama pelajar Cina dan bukan Cina. Kajian ini dijalankan melalui kaedah lapangan menggunakan soal selidik dan temu bual tidak formal yang melibatkan 50 orang pelajar Cina berumur antara 18 hingga 30 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Inggeris dan bahasa Melayu lebih banyak digunakan dalam domain di dalam kelas atau kuliah dan aktiviti di fakulti. Dalam interaksi sosial dan peribadi, pelajar Cina ni lebih cenderung memilih bahasa ibunda dan Mandarin. Peralihan kod bahasa atau penggunaan bentuk hibrid linguistik (bahasa rojak) menjadi strategi komunikasi lintas etnik semua domain, terutamanya ketika berkomunikasi pelajar Cina dengan bukan Cina. Secara keseluruhan, kajian ini tentang pemilihan bahasa pelajar Cina menyumbang kepada pemahaman tentang dinamika pelbagai bahasa di institusi pendidikan tinggi dan membantu mengkaji bagaimana faktor sosial seperti identiti etnik, status sosial, dan konteks interaksi mempengaruhi pilihan bahasa (bahasa Melayu, Mandarin, Inggeris, atau dialek Cina).

Kata kunci: Pelajar Cina: pemilihan bahasa: sosiolinguistik: komunikasi harian: interaksi sosial

Abstract: The Chinese community in Malaysia is generally multilingual, with proficiency in Mandarin, dialects such as Hokkien and Cantonese, Malay, and English. This study examines the languages chosen by Chinese students studying at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The main objective of this research is to identify the primary languages used by Chinese students at UKM in their daily interactions. In addition, the study investigates the factors that influence language choice across different domains, including classrooms, cafeterias, residential colleges, sports activities, and faculty events. All selected domains involve communication between Chinese students and both Chinese and non-Chinese peers. This study was conducted through fieldwork methods using questionnaires and informal interviews involving 50 Chinese students aged between 18 and 30 years old. The findings indicate that English and Malay are more frequently used in classroom or lecture settings and in faculty-related activities. In social and personal interactions, Chinese students tend to prefer their mother tongues and Mandarin. Code-switching or the use of hybrid linguistic forms ("mixed language") serves as a cross-ethnic communication strategy across all domains, especially in

interactions between Chinese and non-Chinese students. Overall, this study on the language choice of Chinese students contributes to a better understanding of multilingual dynamics in higher education institutions. It also helps to explore how social factors such as ethnic identity, social status, and interactional context influence language choice (Malay, Mandarin, English, or Chinese dialects).

Keyword: Chinese students; language choice; sociolinguistics: daily communication: social interaction

Pengenalan

Kajian tentang pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti pelajar Cina di universiti mempunyai kepentingan yang besar dari segi akademik dan sosiolinguistik. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk dan multibahasa, pemahaman terhadap corak pemilihan bahasa dapat menjelaskan bagaimana pelajar Cina menggunakan pelbagai bahasa seperti Mandarin, dialek Cina, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris mengikut konteks sosial dan akademik (Ting 2013; David & Naji, 2000). Kajian ini penting untuk menilai pengaruh faktor sosial, budaya dan identiti etnik terhadap keputusan linguistik mereka, sama ada dalam interaksi formal di dalam kelas mahupun dalam situasi tidak formal seperti di kolej kediaman, kafeteria, atau aktiviti sosial (Tan, 2006; Ting & Mahadhir, 2009).

Kajian tentang pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di universiti menyumbang secara signifikan kepada perkembangan teori dalam bidang sosiolinguistik dan perancangan bahasa. Dapatan kajian ini dapat digunakan untuk menyokong atau memperluas teori domain oleh Fishman (1972), yang menjelaskan bahawa pemilihan bahasa ditentukan oleh tiga komponen utama, iaitu penutur, pendengar, dan topik perbualan dalam sesuatu domain komunikasi. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang multibahasa dan berbilang kaum, pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina mencerminkan interaksi kompleks antara bahasa Mandarin, dialek Cina, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris yang digunakan dalam pelbagai situasi sosial dan akademik (Ting 2013; David & Naji, 2000; Tan, 2006).

Walau bagaimanapun, masih kurang pemahaman mendalam tentang penerapan teori sosiolinguistik, khususnya teori domain, dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Kajian terdahulu belum banyak meneliti secara terperinci pengaruh faktor institusi, hubungan sosial, dan identiti etnik terhadap corak pemilihan, peralihan, dan pengekalan bahasa dalam kalangan pelajar minoriti seperti pelajar Cina (Ting & Mahadhir, 2009; Ting & Ting, 2017). Interaksi harian, dasar bahasa universiti, serta penyesuaian pelajar dalam komuniti pelbagai etnik turut mempengaruhi keputusan linguistik mereka (David & Dealwis, 2008). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pengaruh faktor sosial dan institusi terhadap corak penggunaan bahasa pelajar Cina di UKM. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori pemilihan bahasa dengan mengintegrasikan pelbagai pendekatan linguistik dan sosiolinguistik, serta menyediakan rangka konseptual untuk kajian masa hadapan mengenai penggunaan bahasa dalam masyarakat multibahasa di Malaysia (Fishman, 1972; Ting, 2013).

Sorotan Literatur

Kajian mengenai pemilihan bahasa di Malaysia telah menunjukkan bahawa fenomena ini bersifat kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosial, etnik, dan pendidikan. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memainkan peranan utama dalam membentuk identiti nasional, namun dalam masa yang sama, bahasa ibunda dan bahasa asing turut menjadi pilihan berdasarkan konteks dan keperluan sosial penutur.

Kajian Mohd Khaidir Abdul Wahab (2023) mendapati pelajar IPTA di utara Semenanjung Malaysia masih mempunyai sikap positif terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa berprestij dan simbol cinta negara. Namun, mereka juga menganggap bahasa Inggeris penting untuk kerjaya, menunjukkan wujudnya konflik antara identiti nasional dan keperluan ekonomi. Dari segi metodologi, kajian ini kukuh secara kuantitatif tetapi terhad kerana tidak meneliti aspek kualitatif seperti niat dan motivasi penggunaan bahasa. Kajian oleh Akhmad Mansur et al. (2024) pula memperlihatkan kepelbagaian pemilihan bahasa dalam masyarakat Bonggi di Pulau Banggi, Sabah, di mana bahasa Bonggi dan dialek Melayu Sabah masih mendominasi domain kekeluargaan. Kajian ini penting kerana ia menyorot isu pelestarian bahasa minoriti di tengah arus

kepelbagaian linguistik. Walaupun reka bentuk kuantitatif yang digunakan berjaya mengukur kadar penggunaan bahasa, pendekatan ini agak terhad dari segi pemahaman mendalam tentang sebab-sebab sosiokultural penutur beralih bahasa. Tambahan pula, dapatan bahawa sesetengah penutur tidak lagi mampu bertutur dalam bahasa Bonggi menunjukkan ancaman nyata terhadap kesinambungan bahasa etnik, selari dengan kebimbangan global terhadap kepupusan bahasa minoriti.

Kajian Muhammad Danial dan Noor Saadah Salleh (2024) menunjukkan generasi muda Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam hampir semua domain, menandakan berlakunya peralihan bahasa akibat tekanan integrasi sosial dan dominasi bahasa Melayu sebagai lingua franca. Walaupun menggunakan kaedah campuran, kajian ini lebih menekankan aspek kekerapan daripada motivasi penggunaan bahasa, serta menimbulkan persoalan sama ada kehilangan bahasa ibunda merupakan kemajuan linguistik atau kehilangan warisan budaya. Kajian oleh Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023) terhadap komuniti orang asli Jakun pula memberikan dimensi tambahan tentang peranan perkahwinan campur dalam membentuk pola pemilihan bahasa. Kajian ini menunjukkan bahawa anak-anak hasil perkahwinan campur lebih memilih bahasa Melayu berbanding bahasa Jakun, menjadikan bahasa Melayu sebagai simbol mobiliti sosial dan komunikasi utama. Namun, dapatan ini juga menimbulkan dilema terhadap kelestarian bahasa warisan, walaupun bahasa Melayu dilihat memperkukuh integrasi nasional. Kekuatan kajian ini ialah pendekatan kualitatif yang menelusuri aspek penggunaan sebenar bahasa dalam domain keluarga, namun batasan ketara ialah jumlah sampel yang kecil dan tumpuan terhad kepada domain kekeluargaan sahaja.

Kajian Saidatul et al. (2022) mendapati generasi muda Murut di Keningau banyak menggunakan dialek Melayu Sabah, terutamanya dalam domain pendidikan dan persahabatan. Namun, sikap positif terhadap bahasa ibunda masih kekal, menunjukkan identiti linguistik belum hilang sepenuhnya. Dapatan ini selaras dengan teori Fishman (1972) yang melihat perubahan domain sebagai petanda awal peralihan bahasa. Kajian ini kukuh secara kuantitatif tetapi memerlukan analisis kualitatif untuk memahami sebab di sebalik pengekalan sikap positif terhadap bahasa Murut. Kajian oleh Amirul Mukminin et al. (2023) pula memperlihatkan realiti yang semakin membimbangkan apabila pelajar Melayu di UKM menunjukkan penurunan penggunaan bahasa kebangsaan dalam komunikasi harian, khususnya di ruang tidak rasmi seperti media sosial dan interaksi rakan sebaya. Bahasa Inggeris menjadi alternatif pilihan, menggambarkan pengaruh globalisasi dan status simbolik bahasa asing. Kajian ini mengemukakan hujah penting bahawa kemerosotan penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja berpunca daripada faktor pendidikan, tetapi juga budaya digital. Namun, walaupun kajian ini berupaya memberi data empirikal yang kukuh, ia masih belum menawarkan cadangan praktikal yang konkrit bagi memperkukuh penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar universiti.

Akhir sekali, kajian Mohammed Azlan (2022) mengenai pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan menunjukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris menjadi dua pilihan utama dalam konteks perkhidmatan awam. Fenomena penggunaan bahasa rojak antara Melayu dan Inggeris, khususnya ketika berinteraksi dengan pelanggan pelbagai kaum, memperlihatkan strategi komunikasi adaptif dalam konteks multietnik. Namun, dari sudut teori perancangan bahasa, dapatan ini turut mencerminkan cabaran pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dalam sektor awam yang sepatutnya menjadi model utama penggunaan bahasa Melayu yang baku.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pemilihan bahasa di Malaysia bersifat *domain-specific* dan dipengaruhi oleh faktor etnik, pendidikan, status sosial, serta keperluan komunikasi. Namun, masih wujud jurang penyelidikan terhadap komuniti bukan Melayu di institusi pengajian tinggi, khususnya pelajar Cina dan India, dalam konteks akademik dan sosial. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada komuniti luar universiti seperti Murut, Bonggi, Jawa, dan Jakun, dengan fokus pada pemuliharaan, peralihan bahasa, dan sikap terhadap bahasa kebangsaan. Oleh itu, kajian tentang pemilihan bahasa pelajar bukan Melayu di universiti diperlukan bagi menilai keberkesanan dasar bahasa kebangsaan dan integrasi antara etnik dalam pendidikan tinggi.

Kekurangan ini perlu diatasi kerana pelajar Cina di universiti merupakan kelompok dwibahasa atau tribahasa yang menggunakan Mandarin, dialek Cina, bahasa Melayu dan Inggeris dalam pelbagai domain. Pengalaman linguistik mereka berbeza daripada masyarakat luar kampus kerana wujud interaksi antara etnik,

mobiliti sosial dan identiti akademik yang kompleks. Walaupun teori Domain Fishman (1972) sering digunakan untuk konteks kekeluargaan, pendidikan dan persahabatan, penerapannya masih terbatas dalam domain universiti seperti bilik kuliah, kolej kediaman dan aktiviti kokurikulum. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pola pemilihan bahasa pelajar Cina di UKM serta faktor sosial dan identiti linguistik yang mempengaruhi pilihan mereka. Secara teoritikal, kajian ini memperluas aplikasi Teori Domain Fishman (1972) dan menyumbang kepada pemahaman tentang dinamika multibahasa dan integrasi linguistik di institusi pengajian tinggi Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dengan pendekatan campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti pemilihan bahasa pelajar berbangsa Cina di UKM dalam pergaulan mengikut konteks domain komunikasi dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa pelajar berbangsa Cina di UKM. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik memperoleh gambaran menyeluruh tentang corak pemilihan bahasa pelajar Cina di UKM, serta memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan tersebut berdasarkan konteks sosial dan akademik.

Seramai 50 orang pelajar Cina di UKM dipilih sebagai responden melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah ini digunakan kerana penyelidik ingin memilih peserta yang memenuhi kriteria tertentu dan dapat memberikan maklumat yang relevan serta mendalam berkaitan isu pemilihan bahasa (Creswell, 2014; Palinkas et al., 2015). Pemilihan 50 orang pelajar Cina sebagai responden kajian ini adalah berdasarkan beberapa pertimbangan akademik dan metodologi. Jumlah tersebut dianggap mewakili saiz sampel yang sesuai untuk mendapatkan data yang mencukupi bagi menganalisis corak pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di universiti. Menurut Creswell (2014), saiz sampel yang sederhana antara 30 hingga 50 orang sudah memadai bagi kajian tinjauan berskala kecil yang bertujuan mengenal pasti pola tingkah laku linguistik dan kecenderungan sosial. UKM dipilih sebagai lokasi kajian kerana universiti ini menempatkan pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik dan bahasa, menjadikannya konteks yang ideal untuk meneliti fenomena pemilihan bahasa dalam komuniti multibahasa. Pelajar Cina di UKM secara umumnya menggunakan pelbagai bahasa seperti Mandarin, dialek Cina, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris dalam interaksi sosial dan akademik, sekali gus memberikan data yang relevan dan pelbagai bagi analisis (Ting 2013; Tan 2006). Pemilihan 50 orang responden juga membolehkan penyelidik mengekalkan keseimbangan antara keluasan dan ketepatan data - iaitu jumlah yang cukup besar untuk mewakili populasi pelajar Cina di universiti, tetapi masih terkawal untuk membolehkan analisis mendalam terhadap corak penggunaan bahasa, sikap bahasa, dan faktor sosial yang mempengaruhinya. Sebelum dijalankan kerja lapangan, kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan bahawa soalan-soalan yang dikemukakan difahami oleh responden dan bersesuaian dengan objektif kajian. Kajian ini menggunakan dua instrumen utama, iaitu:

i. Borang Soal Selidik

Borang soal selidik dibangunkan berdasarkan objektif kajian untuk menilai corak pemilihan bahasa dalam lima domain utama kehidupan pelajar di UKM:

- a. Dalam kelas atau kuliah
- b. Di kedai makan
- c. Di kolej kediaman
- d. Dalam aktiviti sukan
- e. Dalam aktiviti fakulti

Pemilihan bahasa berdasarkan domain interaksi. Responden diminta memilih bahasa yang paling kerap digunakan daripada lima pilihan (bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, bahasa Cina (Mandarin), bahasa rojak, dan bahasa ibunda).

ii. Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual dijalankan terhadap beberapa responden terpilih bagi mendapatkan penjelasan mendalam tentang faktor-faktor pemilihan bahasa. Soalan temu bual dirangka untuk meneroka sebab pelajar memilih bahasa tertentu dalam situasi sosial atau akademik, serta pandangan mereka terhadap peranan bahasa dalam pergaulan harian di UKM.

1. Proses Pengumpulan Data

Dalam kajian tentang pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di universiti, proses pengumpulan data melibatkan:

- a. Kajian Rintis- Sebelum pengumpulan data sebenar, kajian rintis dijalankan ke atas sekumpulan kecil pelajar bagi menguji kefahaman terhadap soalan dan kesesuaian istilah yang digunakan. Penambahbaikan dibuat berdasarkan maklum balas responden bagi memastikan kejelasan dan kesahihan instrumen.
- b. Kerja Lapangan dan Pengumpulan Data- Soal selidik diedarkan secara bersemuka dan dalam talian, manakala sesi temu bual dijalankan selepas analisis awal bagi mendapatkan triangulasi data.

2. Analisis Data

Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis menggunakan kaedah peratusan untuk menentukan pemilihan bahasa mengikut domain. Hasilnya dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan perbandingan antara pilihan bahasa. Data kualitatif daripada temu bual pula dianalisis secara tematik, iaitu mengenal pasti tema-tema utama seperti faktor identiti, fungsi akademik, keperluan komunikasi, dan pengaruh persekitaran universiti. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti, menganalisis, dan mentafsir corak makna atau tema yang muncul daripada data kualitatif (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik sesuai digunakan kerana ia membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam pandangan, pengalaman, dan rasional di sebalik pemilihan bahasa oleh pelajar Cina di universiti. Proses analisis ini bermula dengan transkripsi data temu bual secara verbatim, diikuti dengan pembacaan berulang untuk memahami konteks dan kandungan keseluruhan. Seterusnya, penyelidik menjalankan pengkodan awal bagi mengenal pasti unit-unit makna penting daripada pernyataan peserta. Kod-kod tersebut kemudiannya digabung dan dikategorikan untuk membentuk tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Tema-tema ini kemudiannya dianalisis secara mendalam untuk menelusuri hubungan antara bahasa, identiti, dan konteks sosial, serta bagaimana faktor-faktor pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di UKM.

3. Etika, Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kajian rintis serta triangulasi antara data soal selidik dan temu bual digunakan bagi memastikan kesahan kandungan dan kebolehpercayaan dapatan. Setiap maklumat disemak semula dengan responden bagi memastikan tafsiran data tepat dan tidak menyeleweng daripada maksud sebenar. Dalam pelaksanaan kajian ini, aspek etika penyelidikan diberi perhatian sepenuhnya bagi memastikan proses pengumpulan data dijalankan secara bertanggungjawab dan beretika. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kerja lapangan menggunakan borang soal selidik dan temu bual separa berstruktur sebagai instrumen utama. Sebelum pelaksanaan sebenar, penyelidik telah menjalankan kajian rintis untuk memastikan bahawa item-item dalam soal selidik difahami oleh responden dan sejajar dengan objektif kajian. Sebelum data dikumpul, penyelidik terlebih dahulu memperoleh memaklumkan kepada responden tentang tujuan, prosedur, serta kepentingan penyelidikan ini. Bagi menjamin kerahsiaan dan privasi, semua maklumat yang diperolehi daripada responden dirahsiakan sepenuhnya dan hanya digunakan untuk tujuan akademik. Data yang dikumpul tidak mengandungi sebarang identiti individu dan disimpan dengan selamat oleh penyelidik.

Hasil Kajian

Hasil kajian yang telah diperolehi melalui borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mencapai objektif satu dan dua kajian ini. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual.

1. Domain di Dalam Kelas/Kuliah

Domain di dalam kelas atau kuliah merujuk kepada situasi formal pembelajaran yang berlaku di bilik kuliah, makmal, atau ruang pengajaran universiti. Dalam konteks ini, pelajar berinteraksi secara akademik antara satu sama lain menggunakan pelbagai bahasa bergantung kepada kefahaman, keselesaan, serta situasi pembelajaran.

Jadual 1. Pemilihan bahasa domain semasa di dalam kelas/kuliah sesama pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	20	17	46	18	49	150
Peratus (%)	13	11.3	30.7	12	32.7	100

Berdasarkan Jadual 1, bahasa ibunda (32.7%) dan Mandarin (30.7%) paling kerap digunakan oleh pelajar Cina semasa interaksi sesama pelajar Cina dalam situasi pembelajaran formal. Bahasa Melayu (13%) dan Inggeris (11.3%) masih digunakan untuk keperluan akademik, manakala bahasa rojak (12%) menunjukkan kecenderungan mencampur bahasa dalam komunikasi. Secara keseluruhan, dominasi bahasa ibunda dan Mandarin mencerminkan kekuatan identiti linguistik dan solidariti etnik pelajar, walaupun konteks formal menekankan penggunaan Melayu dan Inggeris.

Jadual 2. Pemilihan bahasa domain semasa di dalam kelas/kuliah dengan bukan pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	66	33	19	32	0	150
Peratus (%)	44	22	12.7	21.3	0	100

Berdasarkan Jadual 2, bahasa Melayu mendominasi komunikasi antara pelajar Cina dan bukan pelajar Cina (44%) sebagai lingua franca, diikuti bahasa Inggeris (22%) untuk konteks akademik dan bahasa rojak (21.3%) sebagai bentuk penyesuaian komunikasi. Penggunaan bahasa Cina rendah (12.7%), manakala bahasa ibunda tidak digunakan (0%) kerana kurang difahami oleh rakan bukan Cina. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu berperanan utama dalam interaksi formal dengan bukan pelajar Cina, dengan bahasa Inggeris dan rojak digunakan mengikut keperluan akademik dan sosial.

2. Domain di Kedai Makan

Domain di kedai makan merujuk kepada situasi komunikasi yang berlaku dalam suasana santai dan tidak formal, seperti ketika pelajar Cina berinteraksi dengan rakan sesama pelajar Cina di kafeteria universiti, restoran, atau gerai makan. Dalam konteks ini, pilihan bahasa sering dipengaruhi oleh tahap keakraban, identiti etnik, serta situasi sosial yang lebih bebas berbanding suasana di dalam kelas.

Jadual 3. Pemilihan bahasa domain di kedai makan sesama pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	25	17	43	20	45	150
Peratus (%)	16.7	11.3	28.7	13.3	30	100

Berdasarkan Jadual 3, bahasa ibunda (30%) dan Mandarin (28.7%) paling banyak digunakan oleh pelajar Cina di kedai makan, mencerminkan identiti etnik dan solidariti komuniti. Bahasa Melayu (16.7%) dan Inggeris (11.3%) digunakan secara terhad, manakala bahasa rojak (13.3%) menunjukkan penukaran kod dalam komunikasi harian. Secara keseluruhan, domain ini menekankan dominasi bahasa etnik dan Mandarin, dengan Melayu dan Inggeris digunakan hanya dalam situasi tertentu atau apabila melibatkan pihak bukan Cina.

Jadual 4. Pemilihan bahasa domain di kedai makan pelajar Cina dengan bukan pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	70	28	19	33	0	150
Peratus (%)	46.7	18.7	12.7	22	0	100

Berdasarkan Jadual 4, bahasa Melayu mendominasi komunikasi antara pelajar Cina dan bukan pelajar Cina di kedai makan (46.7%) sebagai lingua franca, diikuti bahasa rojak (22%) dan Inggeris (18.7%). Bahasa Mandarin jarang digunakan (12.7%), manakala bahasa ibunda tidak digunakan (0%) kerana kurang difahami oleh rakan bukan pelajar Cina. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu berperanan sebagai alat komunikasi utama merentas etnik, manakala Inggeris dan rojak mencerminkan keanjalan linguistik pelajar dalam menyesuaikan bahasa mengikut konteks sosial.

3. Domain di Kolej Kediaman

Domain di kolej kediaman merujuk kepada situasi komunikasi tidak formal yang berlaku di kawasan tempat tinggal pelajar seperti asrama, bilik, koridor, atau ruang rehat kolej. Dalam konteks ini, pelajar Cina biasanya berinteraksi secara santai dengan rakan sebilik atau rakan sebangsa mereka, dan pemilihan bahasa bergantung pada tahap keakraban, penyelesaian, serta latar etnik individu yang terlibat.

Jadual 5. Pemilihan bahasa domain di kolej kediaman pelajar Cina dengan sesama pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	13	30	29	34	44	150
Peratus (%)	8.7	20	19.3	22.7	29.3	100

Berdasarkan Jadual 5, bahasa ibunda paling banyak digunakan (29.3%) oleh pelajar Cina di kolej kediaman, diikuti bahasa rojak (22.7%), Inggeris (20%) dan Mandarin (19.3%). Bahasa Melayu digunakan paling sedikit (8.7%) kerana komunikasi berlaku sesama etnik. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa ibunda dan rojak mendominasi interaksi santai, mencerminkan pengekalan identiti linguistik etnik serta keanjalan pelajar dalam menyesuaikan bahasa mengikut konteks sosial.

Jadual 6. Pemilihan bahasa domain di kolej kediaman pelajar Cina dengan bukan pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	62	38	10	40	1	150
Peratus (%)	41.3	25	6.7	26.7	0.6	100

Berdasarkan Jadual 6, bahasa Melayu paling dominan (41.3%) apabila pelajar Cina berinteraksi dengan rakan bukan pelajar Cina di kolej kediaman, diikuti bahasa rojak (26.7%) dan Inggeris (25%). Bahasa Mandarin (6.7%) dan ibunda (0.6%) jarang digunakan. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca dan simbol perpaduan, manakala Inggeris dan rojak digunakan untuk komunikasi santai

atau akademik. Penggunaan rendah bahasa Mandarin dan ibunda mencerminkan kesedaran pelajar terhadap batas kefahaman rakan bukan pelajar Cina dan penyesuaian bahasa secara praktikal.

4. Domain Aktiviti Sukan

Domain ini melibatkan pergaulan dalam aktiviti kokurikulum atau riadah seperti permainan bola sepak, bola jaring, senamrobik, dan seumpamanya.

Jadual 7. Pemilihan bahasa domain aktiviti sukan sesama pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	18	17	47	19	49	150
Peratus (%)	12	11.3	31.3	12.7	31.3	100

Berdasarkan Jadual 7, bahasa ibunda dan Mandarin masing-masing mencatatkan 31.3% dan menjadi pilihan utama pelajar Cina semasa aktiviti sukan sesama pelajar Cina, mencerminkan identiti etnik dan solidariti komuniti. Bahasa Melayu (12%) dan Inggeris (11.3%) digunakan pada kadar rendah kerana interaksi berlaku dalam kumpulan etnik homogen, manakala bahasa rojak (12.7%) menunjukkan penukaran kod spontan dalam komunikasi santai. Secara keseluruhannya, bahasa ibunda dan Mandarin mendominasi, sementara Melayu, Inggeris, dan rojak digunakan secara fleksibel mengikut situasi sosial.

Jadual 8. Pemilihan bahasa domain aktiviti sukan bersama rakan bukan pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	61	45	11	33	0	150
Peratus (%)	40.7	30	7.3	22	0	100

Berdasarkan Jadual 8, bahasa Melayu paling dominan (40.7%) sebagai bahasa utama komunikasi dengan bukan pelajar Cina semasa aktiviti sukan, diikuti Inggeris (30%) dan rojak (22%) untuk komunikasi santai dan fleksibel. Bahasa Cina (7.3%) dan ibunda (0%) jarang digunakan kerana batas kefahaman dan kesesuaian konteks. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca dan alat perpaduan, manakala Inggeris dan rojak digunakan untuk melancarkan interaksi, mencerminkan keanjalan pelajar Cina menyesuaikan bahasa mengikut konteks sosial.

5. Domain Aktiviti Di Fakulti

Domain ini merujuk kepada aktiviti yang dianjurkan di peringkat fakulti seperti seminar, kursus, program kesukarelawanan, dan aktiviti kelab di fakulti oleh pelajar Cina di UKM.

Jadual 9: Pemilihan bahasa domain aktiviti di fakulti dengan rakan sesama pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	19	18	47	18	48	150
Peratus (%)	12.7	12	31.3	12	32	100

Dapatan menunjukkan bahasa ibunda (32%) dan Mandarin (31.3%) menjadi bahasa utama pelajar Cina di fakulti, mengekalkan identiti etnik dan solidariti linguistik. Bahasa Melayu (12.7%) dan Inggeris (12%) digunakan dalam konteks akademik, manakala rojak (12%) digunakan secara santai, mencerminkan penukaran kod. Secara keseluruhan, pelajar menunjukkan keanjalan linguistik dengan mengekalkan bahasa

etnik sesama kaum dan menyesuaikan Melayu atau Inggeris mengikut konteks akademik, menegaskan identiti etnik yang kukuh bersama adaptasi terhadap persekitaran dwibahasa universiti.

Jadual 10. Pemilihan bahasa domain aktiviti di fakulti dengan rakan bukan pelajar Cina

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda	Jumlah
Bilangan (n)	61	36	8	40	5	150
Peratus (%)	41	24	5.3	26.7	3	100

Berdasarkan Jadual 10, pemilihan bahasa pelajar Cina semasa berinteraksi dengan rakan bukan pelajar Cina di fakulti menunjukkan bahasa Melayu paling kerap digunakan (41%), diikuti oleh bahasa Inggeris (24%) dan bahasa rojak (26.7%). Penggunaan bahasa Mandarin (5.3%) dan bahasa ibunda lain (3%) adalah rendah. Corak ini menunjukkan bahawa pelajar menyesuaikan bahasa mereka mengikut konteks sosial dan kefahaman rakan sebaya, dengan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dijadikan medium utama komunikasi formal atau akademik, manakala bahasa rojak digunakan dalam interaksi santai. Penggunaan bahasa Mandarin dan bahasa ibunda adalah terhad kerana rakan bukan pelajar Cina mungkin kurang memahami bahasa tersebut.

Perbincangan

Jadual 11 menunjukkan maklumat keseluruhan kajian yang dijalankan berkaitan pemilihan bahasa oleh pelajar Cina sesama Cina di UKM.

Jadual 11. Pemilihan bahasa pelajar Cina di UKM dengan sesama pelajar Cina

Domain	Latar Rakan	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda
Dalam Kelas/Kuliah		20	17	46	18	49
Kedai Makan	sesama pelajar Cina	25	17	43	20	45
Kolej Kediaman		13	30	29	34	44
Aktiviti Sukan		18	17	47	19	49
Aktiviti Fakulti		19	18	47	18	48
Jumlah (n) = 750		95	99	212	109	235
Peratusan (%)		12.7	13.2	28.3	14.5	31.3

Jadual 11 menunjukkan bahawa bahasa ibunda (31.3%) dan Mandarin (28.3%) paling dominan digunakan dalam interaksi sesama pelajar Cina di semua domain, sama ada formal seperti kelas/kuliah dan aktiviti fakulti, atau tidak formal seperti kolej kediaman dan aktiviti sukan. Bahasa rojak digunakan secara sederhana (14.5%), menunjukkan fenomena penukaran kod di mana pelajar mencampurkan bahasa untuk kelancaran komunikasi. Bahasa Melayu (12.7%) dan Inggeris (13.2%) digunakan lebih rendah kerana komunikasi berlaku dalam kalangan rakan seetnik yang memahami bahasa ibunda masing-masing.

Secara domain, dalam kelas/kuliah dan aktiviti fakulti, penggunaan Mandarin lebih tinggi berbanding bahasa ibunda, menandakan kecenderungan penggunaan bahasa standard atau formal dalam konteks akademik. Sebaliknya, dalam kolej kediaman dan aktiviti sukan, bahasa ibunda lebih dominan, menekankan keakraban sosial dan interaksi santai. Fenomena ini selaras dengan teori domain oleh Fishman (1972), di mana pemilihan bahasa dipengaruhi oleh konteks, penutur, pendengar, dan tujuan komunikasi. Kajian lepas oleh Asmah (1992) juga menekankan bahawa bahasa etnik berfungsi sebagai simbol identiti dan solidariti sosial, yang jelas dapat dilihat dalam penggunaan bahasa ibunda dan Mandarin oleh pelajar Cina di UKM.

Jadual 12 di bawah menunjukkan maklumat keseluruhan kajian pemilihan bahasa oleh pelajar Cina dengan bukan pelajar Cina di UKM.

Jadual 12. Pemilihan bahasa pelajar Cina di UKM dengan bukan pelajar Cina

Domain	Latar Rakan	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Rojak	Bahasa Ibunda
Dalam Kelas/Kuliah		66	33	19	32	0
Kedai Makan	Bukan pelajar Cina	70	28	19	33	0
Kolej Kediaman		62	38	10	40	1
Aktiviti Sukan		61	45	11	33	0
Aktiviti Fakulti		61	36	8	40	5
Jumlah (n) = 750		320	180	67	177	6
Peratusan (%)		42.7	24	9	23.5	0.8

Dapatan menunjukkan bahawa apabila pelajar Cina berinteraksi dengan rakan bukan Cina, bahasa Melayu menjadi dominan (42.7%) dalam semua domain komunikasi, menjadikannya lingua franca untuk interaksi antara etnik di UKM. Bahasa Melayu berfungsi bukan sahaja sebagai medium formal di kelas atau aktiviti fakulti, tetapi juga sebagai alat perpaduan sosial dalam domain tidak formal seperti kedai makan dan aktiviti sukan. Bahasa Inggeris juga digunakan secara signifikan (24%), khususnya dalam konteks akademik dan komunikasi teknikal, menunjukkan kepentingan bahasa global dan profesional sebagai bahasa sokongan. Bahasa rojak (23.5%) digunakan untuk interaksi santai, mencerminkan fleksibiliti linguistik pelajar dan strategi sosial untuk mengekalkan keakraban serta kelancaran komunikasi dalam suasana informal. Sebaliknya, penggunaan Mandarin (9%) dan bahasa ibunda (0.8%) sangat rendah kerana rakan bukan Cina kemungkinan tidak memahami bahasa tersebut.

Fenomena pemilihan bahasa ini selaras dengan teori domain oleh Fishman (1972), yang menyatakan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh domain komunikasi, penutur, pendengar, dan tujuan interaksi. Dalam konteks ini, bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca dalam domain formal dan tidak formal, mencerminkan prinsip bahawa pemilihan bahasa disesuaikan dengan tujuan komunikasi dan audiens. Bahasa Inggeris dan rojak menunjukkan keanjalan linguistik, sejajar dengan teori Gumperz (1982) tentang penukaran kod, di mana penutur menukar bahasa untuk menyesuaikan diri dengan konteks sosial, menunjukkan strategi pragmatik dan fleksibiliti sosial. Penggunaan Mandarin dan bahasa ibunda yang rendah menegaskan bahawa identiti etnik dijaga sambil menyesuaikan diri dengan audiens yang berbeza, menandakan keseimbangan antara fungsi simbolik (identiti) dan fungsi instrumental (komunikasi efektif) bahasa.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan corak pemilihan bahasa pelajar Cina yang berbeza mengikut konteks domain komunikasi, sejajar dengan teori domain oleh Fishman (1972). Dalam situasi formal atau akademik, pelajar Cina cenderung mengekalkan bahasa ibunda dan Mandarin semasa berinteraksi sesama mereka, mencerminkan identiti etnik dan solidariti komuniti (Jadual 1, 3, 5, 7). Sebaliknya, apabila berinteraksi dengan rakan bukan Cina, bahasa Melayu muncul sebagai lingua franca dominan, diikuti bahasa Inggeris, manakala penggunaan bahasa rojak menunjukkan keanjalan linguistik dalam komunikasi santai atau interaksi sosial tidak formal (Jadual 2, 4, 6, 8, 10). Fenomena ini menunjukkan bahawa pelajar Cina mampu menyesuaikan pemilihan bahasa mengikut pendengar, konteks, dan tujuan komunikasi, sekaligus mengekalkan identiti linguistik mereka dalam kelompok etnik sendiri sambil mengadaptasi bahasa kebangsaan dan Inggeris untuk interaksi dengan bukan Cina. Penggunaan bahasa rojak pula menegaskan fleksibiliti dan kemampuan penukaran kod pelajar dalam pelbagai domain sosial dan akademik.

Dengan demikian, dapatan ini menegaskan bahawa identiti etnik, solidariti komuniti, dan status bahasa Melayu sebagai lingua franca saling berinteraksi untuk membentuk corak pemilihan bahasa pelajar Cina di institusi pengajian tinggi Malaysia, sejajar dengan prinsip teori domain yang menekankan hubungan antara penutur, pendengar, konteks, dan tujuan komunikasi. Berdasarkan teori linguistik dan sosiolinguistik, khususnya pandangan Fishman (1972) tentang domain penggunaan bahasa serta Gumperz (1982) mengenai penukaran kod, dapatan menunjukkan bahawa pilihan bahasa pelajar bergantung pada konteks komunikasi, latar sosial, dan tujuan interaksi. Dalam domain akademik, pelajar lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerana fungsi instrumental kedua-dua bahasa ini bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan pengantar universiti, manakala bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan global. Ini sejajar dengan

dasar bahasa kebangsaan serta keperluan profesional dan akademik yang menuntut kemahiran dwibahasa. Sebaliknya, dalam domain sosial dan tidak formal, seperti di kolej kediaman atau bersama rakan sebangsa, pelajar lebih memilih bahasa ibunda dan Mandarin, yang berfungsi sebagai simbol identiti etnik, keakraban, dan solidariti sosial.

1. Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemilihan Bahasa

Faktor-faktor pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di UKM dapat dijelaskan melalui beberapa aspek sosiolinguistik dan konteks sosial yang mempengaruhi keputusan mereka menggunakan sesuatu bahasa dalam situasi tertentu. Berdasarkan dapatan kajian ini, faktor-faktor utama yang mempengaruhi pemilihan bahasa pelajar Cina adalah seperti berikut:

Faktor Domain atau Situasi Komunikasi

Pemilihan bahasa pelajar Cina di UKM bergantung pada konteks atau domain. Dalam domain akademik/formal seperti kuliah, aktiviti fakulti, dan tugas, mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris selaras dengan dasar dwibahasa dan fungsi bahasa kebangsaan sebagai lingua franca (Asmah, 2015; Gill, 2014; Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2023). Dalam situasi sosial tidak formal seperti kolej kediaman, kedai makan, atau aktiviti santai, pelajar menggunakan bahasa ibunda, Mandarin, atau rojak untuk mengekalkan identiti etnik, solidariti, dan keakraban sosial (Tan, 2018; David & Dealwis, 2010). Fenomena bahasa rojak menunjukkan fleksibiliti linguistik dan penyesuaian bahasa mengikut konteks (David, 2003), menegaskan kepekaan sosiolinguistik pelajar dalam memastikan komunikasi berkesan dan sesuai dengan situasi.

Faktor Latar Sosial Rakan Interaksi

Jenis rakan interaksi mempengaruhi pemilihan bahasa pelajar Cina. Dengan sesama pelajar Cina, mereka lebih banyak menggunakan bahasa ibunda dan Mandarin untuk mengekalkan identiti etnik, solidariti, dan keakraban, serta menjadikan Mandarin sebagai bahasa neutral bagi pelajar dari pelbagai dialek (Tan, 2018; David & Dealwis, 2010; Zaiton Zakarya et al., 2024). Sebaliknya, dengan rakan bukan Cina, pelajar cenderung menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua franca untuk komunikasi berkesan, manakala bahasa Inggeris digunakan dalam konteks formal atau akademik sebagai bahasa prestij dan ilmu (Gill, 2014; Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2023; Asmah, 2015). Pemilihan ini menunjukkan kepekaan sosiolinguistik pelajar terhadap latar sosial pendengar dan strategi pragmatik dalam komunikasi.

Faktor Identiti dan Solidariti Etnik

Bahasa berperanan sebagai penanda identiti etnik dan alat perpaduan sosial dalam kalangan pelajar Cina. Penggunaan bahasa ibunda (Hokkien, Kantonis, Teochew) mengekalkan hubungan etnik dan budaya, manakala Mandarin berfungsi sebagai bahasa standard penyatu pelajar dari pelbagai dialek. Kedua-dua bahasa ini bukan sahaja memudahkan komunikasi, tetapi juga memperkukuh rasa kekitaan, solidariti, dan jalinan sosial dalam komuniti etnik, menjadikannya lebih semula jadi, santai, dan bermakna berbanding bahasa Melayu atau Inggeris yang bersifat rasmi (Tan, 2018; Ting & Ling, 2013; Nor Fatin & Zarina, 2024; David & Dealwis, 2010).

Faktor Keperluan Akademik dan Profesional

Pemilihan bahasa pelajar Cina dipengaruhi oleh keperluan akademik dan profesional. Di universiti seperti UKM, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi dan pengantar utama, manakala bahasa Inggeris berperanan sebagai bahasa ilmu dan komunikasi global. Penguasaan kedua-dua bahasa ini penting untuk memahami bahan akademik, tugas, dan meningkatkan peluang kerjaya. Pemilihan bahasa mencerminkan kesedaran instrumental pelajar, yang menyesuaikan bahasa mengikut tuntutan akademik dan profesional serta menunjukkan keupayaan beralih kod secara strategik antara Melayu dan Inggeris (Gill, 2014; Asmah, 2009; Rashid, 2016).

Faktor Kefahaman dan Keberkesanan Komunikasi

Pemilihan bahasa pelajar Cina dipengaruhi oleh keperluan komunikasi yang berkesan dengan bukan Cina. Bahasa Melayu menjadi pilihan utama sebagai lingua franca kerana difahami oleh pelajar pelbagai etnik, memudahkan interaksi sosial dan akademik serta mencerminkan sikap inklusif dan keanjalan linguistik. Bahasa Mandarin dan ibunda digunakan secara terhad kerana tidak difahami oleh bukan Cina. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih mengutamakan keberkesanan komunikasi daripada kesetiaan kepada bahasa etnik, selaras dengan kepekaan sociolinguistik terhadap konteks pendengar dan situasi komunikasi (Gill, 2014).

Faktor Pengaruh Persekitaran Universiti

UKM memainkan peranan penting dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan melalui dasar bahasa institusi yang menekankan penggunaannya dalam urusan rasmi, pentadbiran, dan pembelajaran (Asmah, 2008). Faktor institusi ini mempengaruhi pelajar Cina untuk menggunakan bahasa Melayu secara meluas dalam komunikasi rasmi dan sosial di universiti. Bahasa Inggeris tetap dominan dalam konteks akademik dan bahan rujukan antarabangsa (Gill, 2014). Pelajar Cina menggunakan kedua-dua bahasa ini secara komplementari bahasa Melayu untuk komunikasi rasmi dan sosial, manakala bahasa Inggeris untuk tujuan akademik dan global menunjukkan penyesuaian linguistik yang selaras dengan aspirasi nasional.

Faktor Penukaran Kod dan Keanjalan Linguistik

Penggunaan bahasa rojak oleh pelajar Cina di UKM mencerminkan tahap dwibahasa dan fleksibiliti linguistik yang tinggi melalui fenomena penukaran kod (Gumperz, 1982). Mereka menukar kod secara strategik—menggunakan istilah teknikal dalam Inggeris semasa berbicara dalam Melayu, atau mencampur bahasa dalam situasi sosial untuk mencipta suasana santai dan akrab. Fenomena ini menunjukkan keanjalan linguistik pelajar, keupayaan menyesuaikan bahasa mengikut konteks sosial dan akademik, serta mencerminkan sifat multibahasa dan keanjalan budaya masyarakat Malaysia.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Cina di UKM mencerminkan dinamika masyarakat multibahasa Malaysia yang kaya dengan unsur identiti, fungsi, dan adaptasi sosial. Berdasarkan teori tentang domain penggunaan bahasa dan mengenai penukaran kod, dapatan menunjukkan bahawa pilihan bahasa pelajar bergantung pada konteks komunikasi, latar sosial, dan tujuan interaksi. Dalam domain akademik, pelajar lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris kerana fungsi instrumental kedua-duanya, manakala dalam domain sosial dan tidak formal, seperti di kolej kediaman atau bersama rakan sebangsa, mereka lebih memilih bahasa ibunda dan Mandarin sebagai simbol identiti, keakraban, dan solidariti sosial. Fenomena penukaran kod dan bahasa rojak menunjukkan keanjalan linguistik pelajar dalam menyesuaikan diri dengan keperluan komunikasi. Pelajar Cina di UKM memperlihatkan kepekaan sociolinguistik yang tinggi, menyeimbangkan fungsi simbolik dan instrumental bahasa, mengesahkan bahawa pemilihan bahasa bukan sekadar kecekapan linguistik tetapi juga mencerminkan identiti, solidariti, dan strategi adaptasi sosial.

Dapatan ini menekankan kepentingan memahami pemilihan bahasa sebagai fenomena kompleks yang dipengaruhi oleh konteks akademik, sosial, dan etnik. Ia menunjukkan bahawa pelajar dwibahasa atau multibahasa di institusi pengajian tinggi mampu mengurus identiti dan interaksi sosial melalui penggunaan bahasa yang fleksibel. Fenomena ini turut memberi penekanan kepada keperluan strategi pendidikan yang menyokong penggunaan bahasa secara inklusif dan adaptif, selaras dengan kepelbagaian linguistik dan sosial dalam kampus Malaysia.

Berdasarkan dapatan, universiti disarankan menganjurkan bengkel, forum, dan seminar tentang kepentingan pemilihan bahasa yang inklusif, serta menggiatkan aktiviti rentas bahasa seperti debat dan sesi diskusi di peringkat kolej atau fakulti. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajar diperkukuh dalam situasi formal dan tidak formal. Kajian lanjut dicadangkan melibatkan pelajar etnik lain serta

penggunaan dialek kampus untuk perbandingan silang etnik dan dokumentasi warisan linguistik, seterusnya menyokong pembangunan dasar linguistik dan pendidikan yang lebih inklusif bagi masyarakat majmuk.

Penghargaan: Kami ingin merakamkan penghargaan yang mendalam atas sumbangan semua pihak yang telah menyokong pembangunan kajian ini. Terima kasih khusus ditujukan kepada penilai tanpa nama atas kritikan yang bernas serta kepada lembaga editorial jurnal atas kepakaran dan bantuan mereka dalam menerbitkan artikel ini.

Persetujuan Termaklum: Semua penulis kajian ini telah bersetuju dan termaklum sebelum penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Para pengarang mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Rujukan

- Akhmad Mansur, Asbah Razali, Nurhamizah Hashim, Nurul Haniza Samsudin dan Nur Azimah Mohd Bukhar (2024). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 32(S1), 29–49. Universiti Putra Malaysia Press.
- Amirul Mukminin Mohamad, Sofia Ayup, Noorhazila Mohamad Hamid dan Zuraini Mohaidin (2023). Bahasa kebangsaan dalam situasi komunikasi harian: Kajian tinjauan terhadap pelajar Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 81–101. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no2.6>
- Asmah Haji Omar. (1982). *Language and society in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Booij, G. (2007). *The grammar of words: An introduction to linguistic morphology*. Oxford University Press.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. Mouton.
- Crystal, D. (2000). *Language death*. Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics* (6th ed.). Blackwell.
- David, M. K., & Naji, I. M. (2000). Language use among the Chinese in Kuching, Sarawak. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 21(6), 451–465.
- David, M. K. (2003). Role and functions of code-switching in Malaysian context. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 11(1), 45–56.
- David, M. K. (2006). *Language choices and discourse of Malaysian families: Case studies of families in Kuala Lumpur, Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre.
- David, M. K. (2006). *Language choice and code-switching in Malaysian multilingual contexts*. Peter Lang Publishing.
- David, M. K., & Dealwis, C. (2008). Language maintenance or language shift among the Chinese community in Kuching, Sarawak. *The International Journal of the Sociology of Language*, 189, 67–82.
- David, M. K., & Dealwis, C. (2010). *Language choice and use in multilingual Malaysia*. Lambert Academic Publishing.
- Fishman, J. A. (1972). *The sociology of language*. Newbury House.
- Fishman, J. A. (1972). *Language in sociocultural change*. Stanford University Press.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi bahasa: Satu pendekatan sains kemasyarakatan antara disiplin terhadap bahasa dalam masyarakat* (A. M. Yatim, Trans.). Universiti Sains Malaysia.

- Gill, S. K. (2014). *Language Policy Challenges in Multi-Ethnic Malaysia* (Multilingual Education, Vol. 8). Dordrecht; Springer.
- Gumperz, J. J. (1982). *Discourse Strategies (Studies in Interactional Sociolinguistics, No. 1)*. Cambridge University Press.
- Hashim, M., & Halimah, P. (2012). *Isu sosiolinguistik di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Hassan, A. (2011). *Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hofstede, G. (1991). *Cultures and organizations: Software of the mind*. McGraw-Hill.
- Jakobson, R. (1960). Linguistics and poetics. In T. A. Sebeok (Ed.), *Style in language* (pp. 350–377). MIT Press.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1977). *Semantics*. Cambridge University Press.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2023). Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(2), 1–22.
- Mohammed Azlan Mis & Muhammad Situl, N. S. (2022). Pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(3), 213–235.
- Muhammad Danial Danish Yusman, & Noor Saadah Salleh. (2024). Pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. *Jurnal Linguistik*, 28(2), 90–103.
- Noriah Mohamed. (2004). *Dwibahasa dan penukaran kod dalam konteks masyarakat Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Fatin Adlina Mohd Salleh, & Zarina Othman. (2024). Gaya bahasa dan motivasi pelajar antarabangsa dalam pembelajaran bahasa Melayu. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(4).
- Nurul Jannah Hussin, & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2024). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 13(1), 47–56.
- Rashid, R. A. (2016). The role of the Malay language in Malaysian education and nation building. *Journal of Education and Practice*, 7(11), 50–55.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Aishah Tamby Omar dan Wong Mee Mee. (2022). Domain dan pemilihan bahasa generasi muda Murut di Daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(3). <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>.
- Tan, P. K. W. (2006). Language choice in multilingual Malaysian Chinese classrooms: Implications for language education. *Language and Education*, 20 (3), 215–227.
- Tan, P. K. W. (2018). *Language, identity and education in multilingual Malaysia*. Routledge.
- Ting, S. H., & Mahadhir, M. (2009). Language choice and use of Malaysian Chinese university students. *3L: Language, Linguistics, Literature®*, 15, 1–15.
- Ting, S. H., & Ling, T. S. (2013). Language choice and identity construction: A study among Malaysian Chinese youths. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 243–256.
- Ting, S. H., & Ting, S. L. H. (2017). Language choice and use of Sarawak Chinese in different domains. *Journal of Modern Languages*, 27(1), 50–67.
- Zaiton Zakarya, Salinah Ja'afar, Mardian Shah Omar, & Li, W. (2024). Masalah fonologi Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti di China. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(4), 231–245.